



# UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

## **PEKELILING BENDAHARI BIL 7/2023 PENGECUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA PENYELIDIKAN**

### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkaitan Pengecualian Tatacara Perolehan sebagaimana yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat rasmi no. rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 JLD.3(15) bertarikh 14 Julai 2023. Tatacara ini juga telah diperaku diperingkat Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2022 bertarikh 21 Julai 2022. Pengecualian ini adalah khusus bagi perolehan dan perbelanjaan yang menggunakan peruntukan dana penyelidikan sahaja.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1. Dana penyelidikan telah menyumbang 30% dari jumlah keseluruhan penajaan Universiti. Dana yang diperolehi ini merupakan dana yang dianugerahkan atau disumbangkan oleh pelbagai agensi, syarikat, pertubuhan dan lain-lain bagi tujuan pembiayaan aktiviti penyelidikan di Universiti.

2.2. Pemberi dana di Universiti adalah terdiri daripada:

- a. Agensi Kerajaan Malaysia
- b. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- c. Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC)
- d. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
- e. Agensi swasta, industri dan komuniti

- 2.3. Pemberi dana telah menetapkan syarat kepada penerima dana (penyelidik) dalam pelaksanaan sesuatu projek penyelidikan. Ia menjurus kepada tempoh penyelidikan yang singkat disamping jumlah dana penyelidikan yang terhad. Sehubungan dengan itu, ia menyebabkan para penyelidik menghadapi kesukaran untuk mematuhi tatacara perolehan semasa.

### 3.0 TAKRIFAN

- 3.1. **Dana Penyelidikan** – Sumber kewangan/ peruntukan yang diagih atau disalur untuk projek penyelidikan dan didaftarkan di Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU)
- 3.2. **Syarikat Bumiputera** – Syarikat yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
- 3.3. **Perolehan Bermasa** – Perolehan yang mana tempoh bekalan/ perkhidmatan/ kerja adalah melebihi 4 bulan

### 4.0 PENGECUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA PENYELIDIKAN

- 4.1. Dengan mengambilkira kawalan dan prinsip perolehan seperti telus, adil, saksama serta memberikan nilai faedah terbaik, pengecualian proses perolehan bagi dana penyelidikan telah diluluskan bagi **tiga (3)** perkara berikut:
  - 4.1.1. **Pembelian terus melalui invois tanpa Pesanan Rasmi (PR)** bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai sehingga RM5 ribu dengan kelulusan Pegawai Yang Diturunkan Kuasa.
  - 4.1.2. **Rundingan terus** bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu melalui Pihak Berkuasa Melulus (PBM) seperti berikut:
    - i. Jawatankuasa Sebut Harga bagi perolehan sehingga RM200 ribu.
    - ii. Jawatankuasa Perolehan Tender bagi perolehan melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu.

4.1.3. **Pengecualian keutamaan pelawaan dalam kalangan syarikat Bumiputera** bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM100 ribu dengan membenarkan pelawaan kepada semua pembekal dimana syarikat Bumiputera diberi peratus keutamaan harga (*Margin of Preference-MOP*) sebanyak 10%

4.2. Perbezaan bagi pelaksanaan semasa dan kelulusan baharu adalah seperti berikut:

	<b>Item</b>	<b>Semasa</b>	<b>Kelulusan Baharu</b>
1	Pembelian Terus melalui Invois tanpa PR	Had dibenarkan <b>RM500.00</b>	Had dibenarkan <b>RM5 ribu.</b>
2	Rundingan Terus	Kelulusan oleh <b>Kementerian Kewangan (MOF)</b> bagi perolehan bernilai <b>melebihi RM50 ribu</b>	Kelulusan seperti berikut: 1. <b>UKM</b> bagi perolehan bernilai <b>melebihi RM50 ribu</b> hingga <b>RM500 ribu.</b> 2. <b>MOF</b> bagi perolehan bernilai <b>melebihi RM500 ribu.</b>
3	Peratus Keutamaan harga (MOP) syarikat Bumiputera bagi perolehan bernilai <b>melebihi RM50 ribu</b> hingga <b>RM100 ribu.</b>	<b>Perlu</b> pilih syarikat Bumiputera	Peratus Keutamaan harga (MOP) syarikat Bumiputera adalah sebanyak <b>10%</b>

## 5.0 PELAKSANAAN

- 5.1.1. Perincian pelaksanaan bagi pengecualian tatacara perolehan bagi dana penyelidikan adalah seperti di lampiran A
- 5.1.2. Pelaksanaan berkenaan hendaklah memenuhi prinsip tadbir urus di mana terdapat *check and balance* di setiap proses, tidak berlaku umpukan kuasa dan proses berkenaan boleh diaudit pada bila-bila masa.
- 5.1.3. Selain pengecualian sebagaimana dinyatakan di lampiran A, tatacara perolehan adalah sebagaimana yang telah dikuatkuasakan melalui Garis Panduan Perolehan UKM.

## 6.0 PEMATUHAN

- 6.1. Kelulusan yang diberikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - a. Hanya untuk perolehan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek penyelidikan sahaja dan tidak terpakai bagi perolehan lain.
  - b. Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi.
  - c. Semua peraturan/ tatacara kewangan dan perolehan yang sedang berkuatkuasa hendaklah dipatuhi; dan
  - d. Pengecualian diberikan sehingga **31 Disember 2024** tertakluk kepada lawatan pematuhan oleh MOF
- 6.2. Prinsip perolehan berdasarkan amalan tadbir urus terbaik (*good governance*) hendaklah dilaksanakan bagi memberi nilai faedah terbaik kepada Universiti serta memastikan kepentingan Universiti adalah sentiasa terpelihara.

## 7.0 RUJUKAN

- 7.1. Surat Kementerian Kewangan melalui rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 JLD.3(15) bertarikh 14 Julai 2023
- 7.2. Pekeliling Bendahari Bil.6/2023 Pindaan Garis Panduan Perolehan UKM

## **8.0 PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh pekeling ini dikeluarkan sehingga **31 Disember 2024** selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh MOF melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 JLD.3(15) bertarikh 14 Julai 2023.